

# **Wanita dan Masyarakat**

# **Wanita dan Masyarakat**

**AZLIZAN MAT ENH  
ROHANI ABDUL GHANI**



**2012**

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2012

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan Data Penerbitan

Wanita & masyarakat / editor Azlizan bt Mat Enh, Rohani bt Abdul Ghani  
ISBN 978-967-5457-94-4

1.Women in development--Malaysia. 2.Women--Malaysia--Social conditions.  
I.Azlizan Mat Enh. II Rohani Abdul Ghani.  
305.409595

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 7051 / 7454  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: pt@uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
( MAPIM)

Dicetak oleh:

Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 7051 / 7454  
No. Faks: 07-453 6145

## **ISI KANDUNGAN**

<i>Bab Pengenalan</i>	vii
1. Kesihatan dan Kematian Ibu dan Bayi di Selangor Era British: 1900-1940 <i>Azlizan Mat Enh dan Sarina Abdullah</i>	1
2. Kesedaran Pendidikan Wanita Melayu Awal Abad ke-20 <i>Arba'iyah Mohd Noor</i>	33
3. Penyertaan dan Peranan Wanita dalam Pentadbiran Pembangunan di Sabah <i>Mat Zin Mat Kib</i>	65
4. Wanita di Estet Perladangan : Kajian Kes di Borneo Utara (1914-1932) <i>Maureen De Silva</i>	97
5. Ratna Sari Dewi: Dari Akasaka's Copacabana ke Kerusi Wanita Pertama <i>Rohani Abdul Ghani</i>	119
6. Pengangguran, Kemiskinan dan Penghijrahan Pekerja Wanita Indonesia [1990 – 2000] <i>Soijah Likin dan Nazarudin Zainun</i>	143
7. Kebangkitan Trung Adik-Beradik, Srikandi Vietnam: Satu Sorotan Sejarah <i>Ku Boon Dar</i>	173
8. Memperkasa Wanita Miskin Luar Bandar menerusi Pembangunan sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) <i>Fatimah Hassan</i>	195
9. Hak Wanita ke atas Harta dan Pembahagian Harta Pusaka <i>Jasni bin Sulong</i>	219
<i>Indeks</i>	251

## BAB PENGENALAN

Buku *Wanita dan Masyarakat* mengandungi sembilan bab yang memperkatakan pelbagai isu wanita dalam masyarakat daripada perspektif sains sosial. Bab pertama buku ini adalah bersifat kajian sejarah sosial yang meninjau tentang keadaan kesihatan ibu dan bayi di Selangor sekitar tahun 1900-1940. Fokus utama artikel ini ialah menganalisis kadar dan pola kelahiran dan kematian ibu dan bayi di Selangor, di samping menganalisis punca-punca kematian ibu dan bayi pada era tersebut. Kajian mendapati bahawa antara faktor utama kepada peningkatan kematian yang tinggi ibu dan bayi, terutama di kalangan bangsa Melayu ialah faktor kemiskinan dan kurang pendedahan kepada perubatan moden di hospital-hospital kerajaan.

Dalam aspek pendidikan dan peranan wanita pula, sebenarnya sebelum abad ke 20, aspek ini tidak mendapat perhatian utama dalam kalangan ibu bapa kaum Melayu. Namun begitu, menjelang abad yang ke 20, terdapat penerimaan yang lebih baik terhadap pendidikan Barat secara beransur-ansur di negara ini. Artikel dalam bab dua buku ini akan membincangkan mengenai kesedaran pendidikan dalam kalangan wanita Melayu pada abad tersebut. Perbincangan dimulakan dengan pemaparan secara ringkas mengenai wanita Melayu sebelum abad ke-20 yang dilihat kurang memberi penekanan terhadap pendidikan anak-anak. Menjelang awal abad ke-20, penerimaan masyarakat Melayu terhadap pendidikan yang diperkenalkan pihak British beransur terbuka. Dalam tempoh tersebut, masyarakat mula sedar tentang kepentingan pendidikan terhadap anak-anak mereka. Impak utama daripada kesedaran tersebut membawa kepada beberapa perubahan kepada peranan wanita pada abad ke-20 terutama dari segi aspek politik, ekonomi dan sosial dalam negara ini.

Bab tiga membincangkan penyertaan dan peranan wanita dalam pentadbiran pembangunan di Sabah. Keadaan di Sabah ada sedikit kelainan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Di Sabah terdapat jawatan-jawatan penting di peringkat negeri baik

di kementerian, jabatan mahupun agensi kerajaan dipegang oleh golongan wanita, contohnya Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan beberapa Setiausaha Tetap Kementerian. Kerajaan negeri juga tidak mengenepikan peranan dan sumbangsan wanita dalam pentadbiran pembangunan sehingga di sesetengah jabatan sasaran wanita melebihi 30%. Dengan penyertaan dan peranan yang ditunjukkan oleh golongan wanita, menunjukkan bahawa kerajaan negeri Sabah lebih liberal dan tidak ada diskriminasi gender dalam soal pelantikan wanita untuk menyertai dan berperanan dalam pentadbiran pembangunan di Sabah.

Sebagai penggerak kepada ekonomi negara, peranan wanita jelas dapat dilihat dalam aspek perburuhan dan perladangan. Artikel dalam bab empat buku ini memaparkan peranan buruh wanita dalam konteks operasi dan perkembangan sistem perladangan. Ia melibatkan sistem perburuhan di Borneo Utara dari tahun 1914 hingga 1932 iaitu semasa era pentadbiran kolonial Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBU). Artikel ini mendedahkan kehidupan wanita di estet perladangan di wilayah tersebut yang amat mencabar terutamanya dalam usaha mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup. Mereka diibaratkan sebagai umpan untuk mengikat buruh lelaki untuk kekal di satu-satu estet perladangan. Masalah gaji yang sangat rendah telah mendorong buruh-buruh wanita terlibat dalam aktiviti pelacuran atau menjadi perempuan simpanan.

Sementara itu bab lima menyoroti kehidupan wanita pertama Indonesia iaitu Ratna Sari Dewi, isteri ketiga kepada presiden pertama Indonesia. Penulisan artikel ini lebih bersifat biografi yang memberikan penekanan mengenai latar hidup beliau sebelum menjadi Wanita Pertama Indonesia. Sebagai satu-satunya isteri Presiden Sukarno yang berbangsa asing (Jepun), peranan beliau dalam politik Indonesia sangat menarik untuk diteliti. Kehidupannya sebagai wanita ternama ternyata penuh warna-warni. Tetapi kehidupan indah beliau berakhir dengan kesedihan apabila Sukarno dijatuhan berikutan dengan kegagalan cubaan rampasan kuasa dalam peristiwa GESTAPU G30S/PKI pada tahun 1965.

Dalam pada itu pula bab enam menganalisis mengenai kemiskinan ekonomi Indonesia. Keadaan ini menjadi penyumbang utama kepada polisi kerajaan negara itu menghantar pekerja-pekerja wanitanya

ke luar negara. Ia antara lain bertujuan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan pengangguran yang merupakan masalah utama Indonesia. Kegagalan kerajaan menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan rakyat Indonesia memburu pekerjaan di negara lain sama ada secara sah mahupun secara tidak sah. Kebanjiran pekerja-pekerja Indonesia telah menjadi fenomena di negara-negara jiran terutama di Malaysia dan Singapura. Artikel ini juga turut mengupas mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia dalam usaha untuk mempertingkatkan status sosioekonomi kaum wanita di negara itu.

Selain itu di Viet Nam kaum wanita selalu berada di barisan hadapan dalam penentangan mereka terhadap penjajahan kuasa asing seperti China, Perancis dan Amerika Syarikat. Trung bersaudara merupakan srikandi tersohor dalam sejarah Viet Nam yang memimpin kebangkitan rakyat menentang China pada tahun 1940. Artikel dalam bab tujuh merupakan satu sorotan terhadap kebangkitan Trung bersaudara yang memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan nasionalisme negara itu. Tulisan ini menggunakan pendekatan historiografi dan kaedah dokumentasi melalui penyelidikan perpustakaan dan arkib. Impak dan kepentingan Trung bersaudara memang tidak boleh disangkal lagi kerana sarjana Viet Nam beranggapan bahawa sekiranya tiada kebangkitan kumpulan bersaudara ini dalam menentang kuasa China, maka tidak akan ada bangsa Viet Nam kini.

Islam telah menggariskan hak-hak yang adil antara kaum wanita dan lelaki dalam masyarakat. Namun begitu beberapa negara Islam di dalam dunia ini masih lagi dinafikannya . Artikel dalam bab lapan menumpukan perbincangan mengenai hak-hak kaum wanita Islam secara konsep dan praktis. Penulis juga menekankan bagaimana peranan undang-undang dilihat penting dalam hal ini sebagai aspek kawalan dan penguatkuasaan hak-hak ke atas wanita Islam. Ini akan dapat memastikan suruhan agama tidak hanya berada dalam teks tradisional, tetapi dilaksanakan melalui kuasa dan peranan pihak kerajaan demi mengembalikan hak wanita yang telah dicabuli.

Sementara itu artikel dalam bab 9 membincangkan perkembangan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia dalam kalangan wanita di luar bandar. Pembangunan ICT mampu